

Doa 'Ilaj Ilahi

(علاج إلهي)

Untuk Rawatan Penyakit Kencing Manis &
Pelbagai Jenis Penyakit Kronik

رَبُّنَا اللَّهُ الَّذِي فِي السَّمَاءِ، تَقَدَّسَ اسْمُكَ أَمْرُكَ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ، كَمَا رَحِمْتَنَا
فِي السَّمَاءِ فَاجْعَلْ رَحِمَتَكَ فِي الْأَرْضِ، وَأَعْفِرْ لَنَا حُوبَنَا وَخَطَايَانَا، أَنْتَ رَبُّ
الطَّيِّبِينَ، أَنْزِلْ رَحِمَةً مِنْ عِنْدِكَ وَشِفَاءً مِنْ شِفَاؤِكَ عَلَيَّ هَذَا الرَّجْعِ (نية دالم هاتي
جنيس فپا كيت بڠ دهيديفي)

Tuhan kami ialah Allah yang berada di langit*, maha suci-nama-Mu, urusan-Mu di langit dan di bumi. Sepertimana rahmat-Mu terdapat di langit, maka anugerahkanlah rahmat-Mu di bumi, dan ampunilah bagi kami, dosa dan kesalahan kami. Engkau adalah Tuhan yang maha baik. Turunkanlah rahmat dari sisi-Mu, dan kesembuhan daripada kesembuhan-Mu terhadap sakit ini (niat dalam hati jenis penyakit yang dihadapi). (Nota *: Hakikatnya Allah tidak bertempat)

www.darussyifa.org

Doa Supaya Dimudahkan Segala Urusan dan Hajat

اللَّهُمَّ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحِمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا
رَشَدًا، يَسِّرْ أُمُورَنَا يَا اللَّهُ، رَبِّ يَسِّرْ وَلَا تُعَسِّرْ فَإِنَّ تَيْسِيرَ
كُلِّ عَسِيرٍ عَلَيْكَ يَسِيرٌ، اللَّهُمَّ تَمِّمْ بِالْخَيْرِ، اللَّهُمَّ تَمِّمْ
بِالْخَيْرِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Ya Allah ya Tuhan kami, kurniakan kami rahmat dari sisiMu, dan berilah petunjuk kepada kami dalam urusan kami dengan segala petunjuk, Mudahkanlah urusan kami ya Allah, pemudahkanlah jangan disulitkan kerana Engkaulah yang maha memudahkan, segala yang susah adalah mudah bagi-Mu, Ya Allah, sempurnakanlah dengan segala kebaikan, dengan rahmat-Mu, Ya Allah wahai yang paling mengasihani daripada segala yang mengasihani.

www.darussyifa.org

Doa Rawatan Lumpuh / Strok

أَوَلَمْ يَرِ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا
وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

Apakah orang-orang yang kafir tidak tahu bahawasanya langit dan bumi itu kedua-duanya dahulu adalah suatu yang padu, kemudian Kami pisahkan antara keduanya. Dan daripada air Kami jadikan segala sesuatu yang hidup. Maka kenapakah mereka tidak juga beriman?

(Surah Al-Anbiyaa':30)

www.darussyifa.org

Doa Supaya Allah Mencukupkan Keperluan Diri dan Keluarga

حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

[Mafhumnya] "Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memelihara)ku, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia; kepadanya Aku berserah diri, dan Dia lah Yang mempunyai Arasy Yang besar."
(Surah At-Taubah 129)

Nota: Apabila merasakan keperluan diri dan keluarga tidak mencukupi, amalkan ayat ini dengan membacanya tujuh kali selepas Solat Subuh dan tujuh kali selepas Solat Maghrib. Insya'Allah, Allah SWT akan mencukupkan segala urusan dunia dan akhiratnya.

www.darussyifa.org

Ayatul Mahabbah

(Doa Supaya dikasihi & di sayangi oleh suami/isteri, anak-anak, kaum kerabat, jiran-jiran, rakan-rakan, orang bawahan dan seumpamanya. Amalkan ayat ini setiap hari selepas menunaikan solat fardu lima waktu)

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ

وَيَغْفِرَ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Katakanlah: (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Surah Ali 'Imran ayat 31)

www.darussyifa.org

Doa Supaya Segala Yang Susah Menjadi Mudah

مَا يَفْتَحِ اللَّهُ لِلنَّاسِ مِنْ رَحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا وَمَا يُمْسِكُ فَلَا مُرْسِلَ لَهُ مِنْ بَعْدِهِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Apa jua jenis rahmat Yang dibukakan oleh Allah kepada manusia, maka tidak ada sesuatupun Yang dapat menahannya; dan apa jua Yang ditahan oleh Allah maka tidak ada sesuatupun Yang dapat melepaskannya sesudah itu. dan (ingatlah) Dia lah sahaja Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Surah Fatir ayat 2)

www.darussyifa.org

Doa Supaya Dipermudahkan Membayar Hutang

(Amalkan ayat ini sebelum tidur mudah-mudahan Allah SWT membukakan jalan untuk menyelesaikan bebanan hutang)

قُلْ اللَّهُمَّ مَالِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتُخْرِجُ الْمُلْكَ مِنْ تَشَاءُ وَتُعْزِزُ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ ۗ يَبْدُكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾
تُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ ۗ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَمَاتِ وَتُخْرِجُ الْمَمَاتِ مِنَ الْحَيِّ وَتَرزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢٧﴾

Terjemahan Ayat: (Surah Ali 'Imran ayat 26-27)

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai Tuhan Yang mempunyai Kuasa pemerintahan! Engkaulah Yang memberi Kuasa pemerintahan kepada sesiapa Yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah Yang mencabut Kuasa pemerintahan dari sesiapa Yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga Yang memuliakan sesiapa Yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah Yang menghina sesiapa Yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya Segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

"Engkaulah (Wahai Tuhan) Yang memasukkan waktu malam ke Dalam waktu siang, dan Engkaulah Yang memasukkan waktu siang ke Dalam waktu malam. Engkaulah juga Yang mengeluarkan sesuatu Yang hidup dan benda-Yang mati, dan Engkaulah Yang menghidupkan benda Yang mati dari sesuatu Yang hidup. Engkau jua lah Yang memberi rezeki kepada sesiapa Yang Engkau kehendaki. Dengan tiada hitungan hisabnya".

Penawar Supaya Dapat Menjauhi Maksiat

عَافِرِ الذَّنْبِ وَقَابِلِ التَّوْبِ شَدِيدِ الْعِقَابِ ذِي الطَّوْلِ

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ إِلَيْهِ الْمَصِيرُ

Ma'numnya:

Yang mengampunkan dosa, dan Yang menerima taubat; Yang berat azabNya; Yang melimpah-limpah kurniaNya; tiada Tuhan melainkan dia; kepadaNya lah tempat kembali. (Surah Al-Mu'min:3)

(Nota: Lebih elok ditambah dipermulaan ayat ini dengan Allahumma (اللَّهُمَّ). Bagi yang sukar meninggalkan maksiat walaupun telah bertaubat, amalkan bacaan ayat ini setiap kali selepas solat lima waktu dan sebelum tidur)

www.darussyifa.org

Doa Apabila Menghadapi Tekanan (Stress)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

"Cukuplah Allah untuk (menolong) kami, dan Dialah sebaik-baik pengurus (dan terserah kepadanya Segala urusan kami)". (Surah Ali-Imran:173)

Nota: Apabila menghadapi tekanan baca ayat ini sebanyak mungkin sebagai zikir – insya' Allah hati akan menjadi tenteram.

www.darussyifa.org

Doa Segala Penawar

بِسْمِ اللَّهِ الشَّافِي ، بِسْمِ اللَّهِ الْكَافِي ، بِسْمِ اللَّهِ الْمُعَافِي ، بِسْمِ اللَّهِ الْوَافِي ،
بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ، بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي
الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Dengan nama Allah yang maha menyembuhkan, dengan nama Allah yang maha sempurna, dengan nama Allah yang maha menyihatkan, dengan nama Allah yang maha menyempurnakan, dengan nama Allah yang memiliki langit dan bumi, dengan nama Allah, yang tidak memberikan mudarat sesuatu di bumi juga di langit dan Dia maha mendengar lagi maha mengetahui.

www.darussyifa.org

DOA KETIKA BERADA DI DALAM KESUSAHAN

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ عِنْدَ الْكَرْبِ
" لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَرَبُّ الْأَرْضِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ "

Dari Ibnu Abbas ra.: Sesungguhnya Nabi s.a.w ketika ditimpa kesusahan, beliau berdoa:
"Tidak ada Tuhan selain Allah Yang Maha Agung lagi Maha Penyantun, tidak ada Tuhan selain Allah Tuhan Yang Memiliki Arasy yang Agung, tidak ada Tuhan selain Allah Tuhan pemelihara segenap langit, Tuhan pemelihara bumi serta Tuhan Arasy yang Mulia". (Shahih Bukhari dan Muslim)

www.darussyifa.org

Doa Supaya dimudahkan Bayar Hutang dan Mendapat Hajat

اللَّهُمَّ لَا تَدَعْ لَنَا دَيْنًا إِلَّا غَفَرْتَهُ، وَلَا هَمًّا إِلَّا قَوَّجْتَهُ، وَلَا كَدِبًا إِلَّا قَضَيْتَهُ،

وَلَا حَاجَةً مِنْ حَوَائِجِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ إِلَّا قَضَيْتَهَا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Ya Allah, Janganlah Engkau tinggalkan bagi kami dosa melainkan Engkau ampunkan dan tiada dukacita melainkan Engkau lepaskan dan tiada hutang melainkan Engkau jelaskan dan tiada sebarang hajat samada untuk dunia dan akhirat melainkan Engkau tunaikannya Ya Arhamarrahimin

www.darussyifa.org

Doa Supaya Apa Yang Telah Dihafal Tidak Lupa

Untuk Bacaan Seorang Diri (Aku)

اللَّهُمَّ ارْحَمْنَا بِتَرْكِ الْمَعْصِيَةِ أَبَدًا مَا أَبْقَيْتَنِي، وَارْحَمْنِي أَنْ أَتَكَلَّفَ مَا لَا يَعْنِينِي،
وَارْزُقْنِي حُسْنَ النَّظَرِ فِيمَا يُرِضِيكَ عَنِّي.


Untuk Bacaan Ramai (Kami)

اللَّهُمَّ ارْحَمْنَا بِتَرْكِ الْمَعْصِيَةِ أَبَدًا مَا أَبْقَيْتَنَا، وَارْحَمْنَا أَنْ نَتَكَلَّفَ مَا لَا يَعْنِينَا،
وَارْزُقْنَا حُسْنَ النَّظَرِ فِيمَا يُرِضِيكَ عَنَّا.

Ya Allah, Kasihanilah daku (kami) agar meninggalkan amalan maksiat selamanya, selagi kau hidupkan daku (kami), kasihanilah akan daku(kami) daripada beban yang tidak perlu, dan kurniakan daku (kami) kebaikan yang Kau redai.

(Nota: Doa ini pernah disiarkan sebelum ini dengan diberi tajuk "Doa Supaya Dihafalkan Dari bebanan yang tidak perlu")

www.darussyifa.org



DOA UNTUK MENJADI ORANG YANG SABAR

رَبَّنَا أفرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

"Ya Tuhan Kami, kurniakanlah kesabaran keatas diri Kami, dan tetapkanlah pendirian Kami dan tolonglah Kami di atas menghadapi orang-orang kafir."
(Al-Baqarah 250)

www.darussyifa.org



DOA MOHON KEAMPUNAN DAN KESAYANGAN

رَبَّنَا ءَامِنَّا فَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ

Wahai Tuhan kami, Kami telah beriman; oleh itu ampunkanlah dosa Kami serta berilah rahmat kepada kami, dan sememangnya Engkau lah jua sebaik-baik pemberi rahmat '. (Al-Mu'minuun: 109)

www.darussyifa.org

**DOA MOHON KEAMPUNAN DAN DIJAUHKAN DARI SEGALA
KEJAHATAN**

رَبَّنَا فَارْحَمْنَا لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ
رَبَّنَا وَءَاتِنَا مَا وَعَدْتَنَا عَلَى رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّكَ
لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ

*Ya Tuhan Kami, ampunilah bagi Kami dosa-dosa Kami dan hapuskanlah dari Kami kesalahan-kesalahan Kami, dan wafatkanlah Kami beserta orang-orang yang banyak berbakti.
Ya Tuhan Kami, berilah Kami apa yang telah Engkau janjikan kepada Kami dengan perantaraan Rasul-rasul Engkau. dan janganlah Engkau hinakan Kami di hari kiamat. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji." (Ali Imran: 193 & 194)*



DOA UNTUK KEBAHAGIAAN SEKELUARGA

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

Wahai Tuhan Kami, anugerahkan lah kepada kami agar isteri kami dan anak cucu kami menjadi penyenang hati kami, dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa.
(Al-Furqaan:74)

DOA MOHON KERINGANAN DAN KEMUDAHAN

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِكْرَامًا
كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا
بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ
الْكَافِرِينَ

"Ya Tuhan Kami, janganlah Engkau hukum Kami jika Kami lupa atau Kami tersalah. Ya Tuhan Kami, janganlah Engkau bebankan kepada Kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan Kami, janganlah Engkau pikulkan kepada Kami apa yang tak sanggup Kami memikulnya. beri ma'afilah kami; ampunilah kami; dan rahmatilah kami. Engkaulah penolong Kami, Maka tolonglah Kami terhadap kaum yang kafir." (Al-Baqarah:286)

www.darussyifa.org

Doa Mohon Dihilangkan Rasa Berdebar-debar

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ

Ya Allah, sesungguhnya kami jadikan (meletakkan) Engkau di leher-leher musuh kami dan kami berlindung kepada Mu dari kejahatan mereka.

www.darussyifa.org

Doa' Mohon Ditetapkan Pendirian

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِسْرَافَنَا فِي أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

Wahai Tuhan Kami! Ampuni bagi kami segala dosa-dosa kami dan keterlaluhan kami dalam urusan kami, dan tetapkanlah pendirian kami dan tolonglah kami di atas kaum yang kafir.

www.darussyifa.org

DOA MOHON KEMULIAAN & KETAATAN

اللَّهُمَّ أَكْرِمْنِي بِقَضَائِ حَاجَتِي وَالزِّمْنِي بِطَاعَتِكَ

Ya Allah muliakan aku dengan tercapainya hajatku dan berilah aku kekuatan dalam menta'atiMu.

Doa Supaya Barang Hilang Dapat Semula

اَللّٰهُمَّ يَا هَادِيَ الضَّلَالِ ، وَيَا رَادَّ الضَّالِّ ، رُدِّ اِلَيَّ ضَالَّتِي فَاِنَّهَا
مِنْ عَطَائِكَ وَاِحْسَانِكَ ، يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ .

Ya Allah engkaulah Tuhan yang memberi petunjuk kepada orang yang sesat dan mengembalikan barang yang hilang kepada tuannya. Ya Allah, kembalikanlah kepada saya barang-barang saya yang hilang kerana barang-barang itu adalah pemberian Mu kepada hamba Mu. Ya Allah wahai yang paling mengasihani daripada segala yang mengasihani.

www.darussyifa.org

Doa Pendinding & Penggerak

بِسْمِ اللّٰهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْاَرْضِ
وَلَا فِي السَّمَاوَاتِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ

Dengan nama Allah, yang tidak memberikan mudarat sesuatu di bumi juga di langit dan Dia maha mendengar lagi maha mengetahui

www.darussyifa.org

Doa Supaya Terhindar Daripada Sifat-sifat Keji

اللَّهُمَّ طَهِّرْ قُلُوبَنَا مِنَ النِّفَاقِ وَأَعْمَلْنَا مِنَ الرِّيَاءِ وَالسِّتِّمَا مِنَ الْكَذِبِ
وَأَعِينْنَا مِنَ الْخِيَانَةِ إِنَّكَ تَعْلَمُ خَائِنَةَ الْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِي الصُّدُورُ

Ya Allah... Sucikan hati-hati kami daripada nifaq, amalan-amalan kami daripada riyak, lidah-lidah kami daripada berdusta dan mata-mata kami daripada khianat, sesungguhnya Engkau mengetahui mata-mata yang khianat dan apa yang tersembunyi di dalam dada.

www.darussyifa.org

DOA PEMBUKA APA YANG TERTUTUP

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُبِينًا ① لِيَغْفِرَ لَكَ اللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ
نِعْمَتَهُ عَلَيْكَ وَيَهْدِيكَ صِرَاطًا مُسْتَقِيمًا ② وَنُصْرَكَ اللَّهُ نَصْرًا عَزِيمًا ③

(1) Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (Wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata, (2) kemenangan yang dengan sebabnya Allah mengampunkan salah dan silapmu yang telah lalu dan yang terkemudian, dan menyempurnakan nikmatNya kepadamu, serta menambahkanmu hidayah ke jalan yang lurus (dalam mengembangkan Islam dan melaksanakan hukum-hukumnya). (3) dan Dengan sebabnya Allah memberikanmu pertolongan (untuk mencapai kejayaan) dengan sepenuh-penuh dan sehandal-handal pertolongan (yang tidak ada bandingannya). (Surah Al-Fathi: 1,2&3)

Kegunaan:

Untuk membuka apa yang telah tertutup atau terkunci (Rohani & Jasmani)
seperti Hati, Fikiran, Pintu Rumah, Peti dan seumpamanya

www.darussyifa.org

Doa Mohon Kesembuhan Daripada Penyakit

اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْنَا دَوَاءً مِنْ دَوَائِكَ ، وَشِفَاءً مِنْ شِفَائِكَ ،
وَبَرَكَهً مِنْ بَرَكَاتِكَ ، وَرَحْمَةً مِنْ رَحْمَتِكَ ، عَلَيَّ هَذِهِ
الْأَوْجَاعِ وَالْأَمْرَاضِ وَالْأَسْقَامِ ، فَتَبْرَأُ ، فَتَبْرَأُ ، فَتَبْرَأُ ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah, anugerahkan-lah ke atas kami, wahai Tuhan kami penawar kepada penawar-Mu, dan kesembuhan daripada kesembuhan-Mu, juga keberkatan daripada keberkatan-Mu, juga rahmat daripada rahmat-Mu terhadap penderitaan-penderitaan yang dideritai oleh orang yang sakit, juga mereka yang lemah, dan sembuhkan-lah, sembuhkan-lah sembuhkan-lah dengan rahmat-Mu, Ya Allah wahai yang paling mengasihani daripada segala yang mengasihani.